



01 FEB, 2022

## Dia datang ambil!

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2



MOHD Nadzri (tengah) pada sidang media rampasan dadah, semalam.

# Dia datang ambil!

*Sindiket dadah peralat orang awam tuntutan kurier dadah*

Oleh Mohd Roji Kawi  
am@hmetro.com.my

### Kuching

**S**indiket pengedaran dadah dikesan menggunakan nama syarikat yang tidak aktif dan alamat tidak wujud bagi mengelak kegiatan mereka menggunakan kurier dikesan pihak berkuasa.

Malah, mereka turut memperalatkan orang awam untuk dijadikan keldai dadah bagi menuntut bungkusan yang dihantar melalui perkhidmatan kurier.

Pemangku Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sarawak, Mohd Nadzri Ariffin berkata, taktik itu dikesan dalam kes penyeludupan dadah yang

ditumpaskan di Miri pada 24 Januari lalu.

Beliau berkata, dalam serbuan sepasukan anggota Cawangan Penguatkuasaan JKDM di sebuah syarikat kurier di Permy Technology di Miri pada jam 11.17 pagi, seorang lelaki tempatan berusia 44 tahun ditahan ketika cuba menuntut bungkusan yang dikirim dari luar negara.

“Hasil pemeriksaan terhadap bungkusan itu membawa kepada penemuan satu bungkusan plastik lutsinar yang mengandungi serbuk berwarna putih dipercayai dadah jenis ketamin dianggarkan seberat 1,000 gram (g).

“Turut dijumpai satu paket serbuk minuman di dalam beg sandang lelaki itu yang dipercayai dadah jenis

ketamin serta dianggarkan seberat 28g,” katanya pada sidang media, semalam.

Mohd Nadzri berkata, semua dadah yang dirampas itu dianggarkan bernilai RM51,400.

Sementara itu, dalam kes berasingan pada jam 2.15 petang, 10 Januari lalu, seorang lelaki tempatan berusia 30-an ditahan sepasukan anggota Cawangan Penguatkuasaan JKDM Kuching di luar premis terminal bas di sini.

Menurutnya, ketika ditahan, lelaki itu cuba menuntut satu bungkusan yang dihantar dari Miri menggunakan perkhidmatan bas ekspres antara bandar.

“Lelaki itu juga disyaki sudah beberapa kali membuat tuntutan bungkusan melalui perkhidmatan bas antara

bandar dan hasil pemeriksaan dilakukan membawa kepada penemuan sejumlah 358 pekete lutsinar mengandungi serbuk kristal dipercayai dadah jenis methamphetamine dengan berat keseluruhan 1,115g yang dianggarkan bernilai RM47,500.

“Turut dirampas wang tunai berjumlah RM540 dan sebuah kenderaan jenis Toyota Yaris yang dianggarkan berharga RM70,000.

“Jumlah keseluruhan nilai rampasan adalah dianggarkan RM117,500,” katanya.

Menurutnya, kedua-dua kes itu disiasat mengikut Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang jika sabit kesalahan, pesalah boleh dihukum gantung sampai mati mengikut Seksyen 39B(2) akta sama.



01 FEB, 2022

## Dia datang ambil!

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

Ku c h i n g Sindiket pengedaran dadah dikesan menggunakan nama syarikat yang tidak aktif dan alamat tidak wujud bagi mengelak kegiatan mereka menggunakan kurier dikesan pihak berkuasa. Malah, mereka turut memeralatkan orang awam untuk dijadikan keldai dadah bagi menuntut bungkusan yang dihantar melalui perkhidmatan k u r i e r.